

Pertukaran penyelidik UPM-ORI

UNIVERSITI Putra Malaysia (UPM) dan Institut Penyelidikan Lautan (ORI), University of Tokyo, Jepun bersetuju mengadakan penyelidikan bersama dan pertukaran penyelidik dalam bidang kimia, fizik dan biologi. Majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) antara kedua-dua pihak telah berlangsung di Serdang, Selangor, baru-baru ini.

Dekan Fakulti Sains UPM, Prof. Dr. Sidek Ab. Aziz berkata, MoU antara UPM dan ORI itu turut melibatkan penganjuran syarahan, simposium dan pertukaran maklumat akademik untuk tempoh selama lima tahun.

Bellau berkata, MoU tersebut mengukuhkan MoU yang telah dibuat terlebih dahulu antara kedua-dua pihak 10 tahun lalu melalui projek kerjasama yang diketuai oleh Prof. Dr. Ahmad Ismail dari Jabatan Biologi dengan saintis pelbagai organisasi di Jepun.

Katanya, terdapat dua orang tutor daripada UPM iaitu bekas pelajar Jabatan Biologi yang sedang menjalankan penyelidikan ijazah doktor falsafah (PhD) di universiti tersebut.

"Walaupun penyelidikan bersama diketuai oleh Ahmad Ismail akan diteruskan, penyelidik dari Jabatan Fizik dan Kimia dipelawa untuk bekerjasama dengan saintis di University of Tokyo itu," katanya.

MoU itu telah ditandatangani oleh Naib Canselor UPM, Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah dan Penyelidik ORI, Prof. Dr. Nobuyuki Miyazaki.

University of Tokyo merupakan sebuah universiti penyelidikan terulung di Asia ditubuhkan pada tahun 1877. Ia mempunyai 30,000 pelajar yang seimbang jumlahnya antara pelajar prasiswazah dan siswazah.

Penyelidikan di pusat tersebut tidak hanya terhad kepada perairan Jepun tetapi juga perairan antarabangsa dengan kerjasama negara luar dan organisasi antarabangsa.



NIK MUSTAPHA (dua dari kiri) bersalaman dengan Nobuyuki selepas bertukar-tukar dokumen MoU.